



KBS : 25/2025

### LAWATAN YB HANNAH YEOH KE SIC: KBS PERKUKUH KOMITMEN PENGANJURAN ACARA HIBURAN SELAMAT UNTUK BELIA

29 APRIL 2025

1. Menteri Belia dan Sukan, **YB Hannah Yeoh** hadir ke Sepang International Circuit (SIC) hari ini dan mengumumkan langkah memperkukuhkan pelaksanaan **Garis Panduan Penganjuran Konsert dan Festival 2025 di SIC** selari dengan inisiatif **Belia Bebas Dadah** yang dilancarkan minggu lalu.
2. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau kesiapsiagaan SIC dalam melaksanakan garis panduan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan yang ditetapkan khususnya dalam konteks penganjuran acara hiburan yang lebih bertanggungjawab dan mesra belia.
3. Garis panduan baharu ini memperkukuhkan beberapa langkah utama seperti:
  - **Pencegahan Penyalahgunaan Dadah:** Pemeriksaan ketat di pintu masuk, ujian air kencing secara rawak, kerjasama dengan PDRM dan penempatan Unit K9.
  - **Pengurusan Minuman Beralkohol Secara Terkawal:** Kawasan beralkohol diasingkan, dikawal ketat dan terhad kepada individu bukan Islam berusia 21 tahun ke atas.
  - **Hydration Point dan Chill Out Zone:** Penyediaan kawasan rehat dan bekalan air minuman percuma untuk mengelakkan dehidrasi.

- **Kesiapsiagaan Perubatan:** Pasukan perubatan lengkap disediakan mengikut standard antarabangsa dengan *medical bay*, ambulans dan paramedik bergerak.
4. Melalui penyelarasan ini, SIC menjadi antara fasiliti pertama di Malaysia yang melaksanakan sepenuhnya SOP tambahan KBS untuk penganjuran acara berimpak tinggi secara lebih selamat dan beretika.
  5. Sebagai sebahagian daripada usaha bersepadu ini:
    - Semua artis yang membuat persembahan diwajibkan untuk menyampaikan mesej kesihatan setiap jam.
    - Bahan promosi mengenai keselamatan, bahaya dadah dan langkah-langkah kecemasan dipamerkan sepanjang acara berlangsung.
  6. YB Hannah Yeoh menyatakan bahawa usaha ini membuktikan komitmen serius Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam memastikan aktiviti hiburan dan belia dianjurkan dalam persekitaran yang lebih sihat, selamat dan bertanggungjawab. Beliau menegaskan bahawa KBS bertekad membina budaya hiburan yang meraikan kehidupan sihat, selari dengan nilai-nilai Malaysia MADANI.
  7. KBS percaya masa depan negara bergantung kepada generasi muda yang sihat, berdaya tahan dan bermaklumat. KBS menyeru semua penganjur acara di seluruh negara untuk mencontohi pendekatan SIC dalam menjadikan keselamatan dan kesejahteraan belia sebagai keutamaan.

## **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

